| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1. | Apakah jenis pelanggan yang boleh buka Akaun Luar (EA)? | Akaun Luar boleh dibuka:<br>a) secara individu atau pelanggan Bukan Pemastautin;<br>b) secara bersama antara pelanggan-pelanggan individu yang merupakan Bukan Pemastautin;<br>c) secara bersama antara pelanggan individu Bukan Pemastautin dan pelanggan individu Pemastautin; atau<br>(Nota: Akaun bersama bagi pelanggan Bukan Pemastautin dan pelanggan Pemastautin yang merupakan pasangan suami isteri sah di sisi undang-undang tidak diklasifikasikan sebagai Akaun Luar)<br>d) bagi akaun Amanah untuk atau bagi benefisiari Bukan Pemastautin (sebagai contoh: Akaun Junior 3-in-1/-i dan Akaun Simpanan Junior/-i)<br>(Nota: Jika benefisiari adalah Pemastautin, akaun Amanah tidak dikelaskan sebagai Akaun Luar)<br><br>Bagi pekara a) hingga d) di atas, mana-mana akaun Ringgit yang anda kekalkan dengan Bank akan dikelaskan sebagai **Akaun Luar (EA).** |
| 2. | Apakah undang-undang yang terpakai bagi Akaun Luar (EA)? | Sebagai pemegang Akaun Luar (EA), akaun anda adalah tertakluk kepada syarat, sekatan dan terma yang dinyatakan dalam Notis Polisi Pertukaran Asing ("Notis FEP") yang diisukan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").<br><br>Pengendalian, sumber dan penggunaan dana ke dalam dan daripada Akaun Luar (EA) adalah dikecualikan daripada pengesahan Bank bagi transaksi berikut:<br>a) RM10,000 bagi setiap transaksi untuk apa-apa tujuan; atau<br>b) Apa-apa jumlah:<br>i) Pengeluaran tunai daripada kaunter; atau<br>ii) Pemindahan antara pemegang Akaun Luar yang sama. |
| 3. | Saya adalah pemegang Akaun Luar dengan Hong Leong Bank dan transaksi ke luar secara atas talian berjumlah RM11,000 telah ditolak oleh Bank.<br><br>Apakah langkah saya seterusnya? | Sebagai pemegang Akaun Luar, maksima transaksi atas talian adalah terhad kepada RM10,000 bagi setiap transaksi.<br><br>Untuk melakukan transaksi bagi jumlah melebihi RM10,000, anda mestilah mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB kami dan mengemukakan bukti dokumen bagi pengesahan Bank. |
| 4. | Saya adalah pemegang Akan Luar dan mengambil bahagian dalam Malaysia My Second Home Programme (MM2H).<br><br>Adakah saya mesti mematuhi kepada peraturan yang tertakluk kepada pemegang Akaun Luar dan apakah langkah saya seterusnya? | Peraturan Akaun Luar tidak terpakai kepada anda.<br><br>Sekiranya anda memenuhi kriteria MM2H, sila emel kepada Bank di hlonline@hlbb.hongleong.com.my dan berikan **visa dan tarikh luput MM2H** untuk kami mengemas kini rekod Bank. Secara alternatifnya, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB untuk mengemukakan dokumen tersebut.<br><br>Seterusnya, sila ambil perhatian bahawa anda dikehendaki untuk memaklumkan Bank mengenai **visa MM2H yang terbaharu pada atau sebelum tarikh luput**. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 5. | Saya adalah pemegang Akaun Luar dan sedang bekerja di Malaysia bersama-sama anak saya.<br><br>Adakah saya perlu mematuhi peraturan berkaitan pemegang Akaun Luar dan apakah langkah saya seterusnya? | Peraturan Akaun Luar (EA) tidak terpakai kepada anda.<br><br>Anda dikehendaki untuk emel kepada Bank di hlonline@hlbb.hongleong.com.my dan **menyatakan visa kerja anda dan Pemastautin / visa orang yang ditanggung** dan Tarikh luput. Secara alternatifnya, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB untuk menyerahkan dokumen tersebut.<br><br>Seterusnya, sila ambil perhatian bahawa anda perlu untuk memaklumkan Bank bagi **visa kerja terbaharu dan Pemastautin / visa orang yang ditanggung pada atau sebelum Tarikh luput**. |
| 6. | Saya adalah pemegang Akaun Luar dan sedang belajar di Malaysia.<br><br>Adakah saya perlu mematuhi peraturan berkaitan pemegang Akaun Luar dan apakah langkah saya seterusnya? | Peraturan Akaun Luar (EA) tidak terpakai kepada anda.<br><br>Anda dikehendaki untuk emel Bank di hlonline@hlbb.hongleong.com.my dan serahkan visa pelajar anda dan tarikh luputnya. Secara alternatifnya, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB untuk menyerahkan dokumen.<br><br>Seterusnya, sila almbil perhatian bahawa anda mesti memaklumkan Bank untuk visa pelajar terbaharu pada atau sebelum Tarikh luput. |
| 7. | Apakah cara bagi saya untuk menyerahkan bukti dokumen yang relevan kepada Bank sekiranya saya sedang belajar di Malaysia? | Anda boleh sama ada emel kepada Bank di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB untuk menyerahkan dokumen. |
| 8 | Bagaimanakah saya menghubungi Bank jika terdapat soalan mengenai transaksi atas talian atau status? | Anda boleh emel kepada Bank di hlonline@hlbb,com.my bagi pertanyaan mengenai transaksi atas talian anda atau hubungi pusat panggilan kami di 03-7626 8899. |
| 9 | Di mana saya boleh mendapatkan lanjut mengenai Akaun lear(EA)? | Sila layari laman web HLB di https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/help-support/general-faq/foreign-exchange-notices.html untuk makluman lanjut.<br><br>Secara alternatifnya, anda boleh melawat laman web Bank Negara Malaysia di https://www.bnm.gov.my/fep untuk makluman lanjut. |